

22/04/2002

Kumpulan A tidak puas hati kandungan memorandum

BATU PAHAT, Ahad - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang mengetuai Kumpulan A dalam kemelut kepemimpinan partinya berkata pihaknya belum menandatangani memorandum penyelesaian isu itu kerana tidak berpuas hati dengan kandungannya yang tidak mengikut perlembagaan parti.

Dr Ling berkata, beliau hanya menerima salinan memorandum berkenaan tujuh jam selepas Kumpulan B membuat kenyataan akhbar mengenainya.

Memorandum itu yang digelar 'Agenda Perdana Menteri bagi kedamaian dan kestabilan', dikatakan mengandungi tiga perkara.

Perkara itu adalah membatalkan mesyuarat agung luar biasa (EGM) parti yang diusahakan Kumpulan B, penjadualan semula pemilihan pada peringkat bahagian dan kedudukan kepemimpinan parti kekal pada semua peringkat.

Dr Ling berkata, selepas membaca dan meneliti memorandum berkenaan, beliau mendapati ada beberapa perkara tidak mematuhi perlembagaan parti.

"Memorandum itu perlu mendapat persetujuan semua pihak dan adalah tidak adil surat ini ditandatangani sebelah pihak saja," katanya selepas majlis taklimat dengan MCA Johor, di sini hari ini.

Dr Ling berkata, beliau akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok bagi membincangkan kemelut parti berkenaan.

Pertemuan itu, perlu bagi mencari penyelesaian konflik dalaman yang melanda parti kedua terbesar komponen Barisan Nasional (BN) itu yang berlarutan sehingga hari ini.

Katanya, pihaknya akan membincangkan kandungan memorandum sebaik Perdana Menteri tiba dari lawatan ke luar negara bagi menjernihkan keadaan.

"Sebagai Presiden MCA, saya mahu semua pemimpin dan ahli MCA menerima apa saja keputusan yang bakal dibuat Pengerusi BN sekali gus menyelesaikan pergolakan parti.

"Nasihat yang bakal diberi Perdana Menteri selaku Pengerusi BN ini perlu dipatuhi bagi mengukuhkan perpaduan ahli dan melicinkan pentadbiran MCA yang menjadi tonggak utama kaum Cina di negara ini," katanya.

DI KUALA LUMPUR, pihak yang terbabit dengan usaha mencari perdamaian dan penyelesaian pertelingkahan dua puak itu ketika dihubungi menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap gelagat Dr Ling dan pengikutnya yang didakwa memutarbelitkan kenyataan sebenar.

"Mereka (kumpulan A) yang beriya-iyanya mahu Perdana Menteri masuk campur dan bersungguh-sungguh mahu menerima nasihatnya. Kini, bila Dr Mahathir memberi cadangan bagaimana menyelesaikan masalah itu, mereka dan enggan menerimanya.

"Sesetengah mereka kini berani mengeluarkan kenyataan (melalui media yang dikuasai kumpulan A) yang Dr Mahathir dan Timbalannya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) tidak berhak campur tangan dalam soal dalaman MCA.

"Apa yang mereka lakukan seolah-olah mereka lupa sejak setahun lalu, kedua-dua kumpulan A dan kumpulan B beriya-iyanya mahukan Dr Mahathir dan Pak Lah membantu menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku," katanya.

Sumber berkata, apabila kumpulan A tidak berpuas hati dengan cadangan memorandum itu, kesempatan yang ada digunakan untuk menuduh Umno campur tangan urusan parti itu.

"Apa yang dilakukan Dr Mahathir dan Pak Lah ketika memberi nasihat kepada kedua-dua pihak yang bertelagah dalam MCA tiada kena mengena dengan jawatan mereka di dalam Umno, sebaliknya sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi BN.

"Kumpulan A sebenarnya tidak mahukan cadangan kedua-dua pemimpin

tertinggi BN itu kerana penyelesaian yang dicadangkan oleh Dr Mahathir tidak berpihak kepada mereka. Mereka sebenarnya tidak mahukan pertelingkahan itu diselesaikan," katanya.

(END)